



BERITA

EDISI KELIMA | 05
2020

PASIR GUDANG

TERBITAN RASMI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

SEPTEMBER - OKTOBER 2020 | ١٤٤٢ هـ - ١٤٤٣ هـ



PELANTIKAN AHLI MAJLIS MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



PROGRAM LAMAN HIJAU

Siri 2

8 MPPG Anjur Program Champion

13 PUBG Mobile Online Tournament 2020

15 Majlis Penyerahan Alat Bantu Niaga Peserta E-kasih

ISI KANDUNGAN

- 3 Pelantikan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pasir Gudang.
- 4 Program Laman Hijau Siri 2.
- 5 Kunjungan Hormat Exco Belia Dan Sukan Pulau Pinang Ke Pasir Gudang.
- 6 Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Wawasan MPPG Johor Berhad.
- 7 Majlis Taklimat Kerja-Kerja Penyediaan Senarai Nilai Bagi Kawasan Kampung Dalam Kawasan Pentadbiran MPPG.
- 8 MPPG Anjur Program *Champion*.
- 9 Taklimat Kepada Majlis Perbandaran Kluang Berkenaan Tuntutan Tunggakan Cukai Harta.
Lawatan Johor Land Ke MPPG.
- 10-11 Lensa MPPG September-Oktober 2020.
- 12 Bengkel Pelan Strategik MPPG Sesi 2.
- 13 *PUBG Mobile Online Tournament*.
- 14 *Pertandingan Mobile Legends Bang Bang Online Tournament 2020*.
- 15 Majlis Penyerahan Alat Bantu Niaga Peserta E-Kasih.
- 16 Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Kebajikan (KSK) MPPG.
- 17 Konvoi Motorsikal Oleh MPPG *Bikers* KSK MPPG.
Salam Takziah.
- 18-19 Yayasan Pasir Gudang.
- 20 LAMAN INFO : *Virtual Wau Run 2020* MPPG.



AJK SIDANG REDAKSI

2020

PENASIHAT

Tuan Haji Zainor bin Adani
Yang Dipertua MPPG

KETUA EDITOR

Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap
Setiausaha MPPG

PENOLONG KETUA EDITOR

Puan Haslina binti Hassan
Ketua Unit Korporat & Perhubungan Awam

PENGARANG

Encik Nik Masri bin Moharani
Pegawai Tadbir MPPG

PEMBERITA

Encik Basar bin Kallil
Puan Nadztasha binti Mohd Puad

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

DIREKTORI

JABATAN & UNIT MPPG

JABATAN / UNIT	NAMA	TELEFON
Yang Dipertua	Haji Zainor bin Adani	07-254 7701
Setiausaha	Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap	07-254 7702
Pembantu Khas Yang Dipertua/ Setiausaha Pejabat	Zanariah binti Haji Mohd Basri	07-254 7703
Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan	Haji Adnan bin Abd Ghani	07-254 7781
Ketua Jabatan Kewangan	Mariaton binti Ibrahim	07-254 7710
Ketua Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	Sr. Dr. Haji Mohd Ali bin Mohamed Abu Backer	07-254 7741
Ketua Jabatan Perancang Bandar	Haji Nor Rahman bin Mustafa	07-254 7726
Ketua Jabatan Kawalan Bangunan	Abd Majid bin Saphie	07-254 7724
Ketua Jabatan Kejuruteraan	Haji Ismail bin Mat Taib	07-254 7714
Ketua Jabatan Penguatkuasaan	Haji Sharif bin Idros	07-254 7752
Ketua Jabatan Kesihatan Awam	Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab	07-254 7718
Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat	Hajah Rahamah binti Mahmood	07-254 7740
Ketua Unit Audit Dalaman	Abdul Malek bin Mohamed	07-254 7737
Ketua Unit Undang-Undang	Nurazam bin Razali	07-254 7723
Ketua Unit Korporat & Perhubungan Awam	Haslina binti Hassan	07-254 7705
Ketua Unit Pusat Sehenti	Sarimawati binti Misbari	07-254 7865
Ketua Cawangan Pesuruhjaya Bangunan	Siti Nurashikin binti Abdul Rahman Tan	07-254 7872

PEJABAT-PEJABAT CAWANGAN MPPG

PEJABAT CAWANGAN	NAMA	TELEFON
Perpustakaan Awam Pasir Gudang	Hajah Roslina binti Mohd Othman	07-251 7912
Pengurus Sarang Buaya	Abdul Malek bin Aziz	07-251 7208
Pengurus Yayasan Pasir Gudang	Shahrul Akmal bin Johari	07-254 7768
Muzium Layang-Layang	Nur Lina binti Abdul Karim	07-252 7796
Seramik Pasir Gudang	Mohd Junaidi bin Sahlan	07-252 8255
UTC Pasir Gudang	Mohd Shariman bin Shai In	07-255 6910
Pejabat Cawangan MPPG Jalan Gunung Seri Alam	Haji Sharif bin Idros	07-387 1025 07-387 1026 07-387 1027

PEJABAT AM

Aras 19, Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor
Tel : 07-254 7777 / 251 3720 Faks : 07-251 5260

Sebarang maklum balas atau pandangan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh MPPG hubungi kami melalui saluran di bawah :

☎ 07-254 7777

✉ mppg@johor.gov.my

☎ 013-377 1710

💻 MPPG : SISPPA
mppg.spab.gov.my

☎ 07-251 5260

📍 Majlis Perbandaran Pasir Gudang

PELANTIKAN AHLI MAJLIS MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG telah menerima lapan orang Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pasir Gudang bagi fasa 2, tahun 2020 pada 21 Oktober yang lalu. Majlis Angkat Sumpah telah diadakan di Dewan Cempaka, Aras 20, Menara Aqabah.

Hadir sama dalam majlis ini, Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani, Setiausaha MPPG, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap serta Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit. Ahli-Ahli Majlis telah menerima watakah pelantikan oleh Yang Dipertua, selepas melafaz bacaan ikrar sumpah dan menandatangani Perakuan Menerima Jawatan dan Akuan Sumpah.

Majlis berakhir dengan sesi bergambar bersama Yang Dipertua. Sekalung tahniah diucapkan kepada barisan kepimpinan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pasir Gudang yang telah dilantik.

Berikut merupakan senarai Ahli Majlis MPPG yang telah dilantik :

1. Encik Nooraizam bin Rowaji
2. Tuan Haji Ab Aziz bin Abdullah
3. Encik Vijayan A/L Rajoo
4. Encik Yap Wen Piau
5. Encik Mohamad Farid bin Abdul Razak
6. Encik Mohd Rahim bin Amatermin
7. Encik Madyasir bin Ahmad
8. Puan Juliah binti Jamal



Encik Nooraizam bin Rowaji



Tuan Haji Ab Aziz bin Abdullah



Encik Vijayan A/L Rajoo



Encik Yap Wen Piau



Encik Mohamad Farid bin Abdul Razak



Encik Mohd Rahim bin Amatermin



Encik Madyasir bin Ahmad



Puan Juliah binti Jamal



PROGRAM LAMAN HIJAU *Siri 2*



KEJAYAAN TELAH DIPEROLEHI pada pusingan pertama Program Laman Hijau ini, dan kini pihak urusetia mengorak langkah untuk melaksanakan pusingan kedua, di mana ujicuba kepada penambahbaikan SPAH telah dibuat. Pada pusingan pertama, anggota pekerja telah menghasilkan sayur sawi 47.13 kilo dan bayam 39.93 kilo.

Program ini telah dijalankan bermula Julai hingga Oktober yang lalu. Bagi siri 2 kali ini, anggota pekerja telah berjaya menambahbaik penanaman dengan menanam kangkung dan bayam merah. Pada 19 Oktober yang lalu, sesi menuai bagi siri 2 telah dirasmikan oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zanor bin Adani, 9 buah kumpulan yang mewakili 9 Jabatan mengadakan aktiviti menuai hasil tanaman yang ditanam selama hampir 3 bulan. Berikut merupakan pemenang bagi siri 2, Program Laman Hijau :

TEMPAT	PEMENANG	BERAT HASIL TUAIAN
JOHAN	Jabatan Perancang Bandar dan Landskap	27 Kg
NAIB JOHAN	Unit Korporat & Perhubungan Awam	24 Kg
KETIGA	Jabatan Kewangan	20 Kg



Yang Dipertua merasmikan hasil tuaian sayuran Jabatan Kawalan Bangunan.



KUNJUNGAN HORMAT EXCO BELIA DAN SUKAN PULAU PINANG KE PASIR GUDANG



MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG begitu berbesar hati apabila berpeluang menerima kunjungan dari Exco Belia dan Sukan, merangkap Ahli Lembaga Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang, Yang Berhormat Soon Lip Chee. Yang Berhormat bersama empat orang pegawai telah mengadakan lawatan teknikal ke Taman-Taman Awam dan Rekreasi di Pasir Gudang. Hadir sama dalam lawatan ini, Setiausaha MPPG Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap serta Ketua Bahagian Landskap MPPG, Lar. Puan Zanariah binti Kadir.

Antara lokasi yang dilawati ialah, Muzium Layang-Layang Pasir Gudang, Taman Bandar Bukit Layang-Layang Pasir Gudang, Laman Ekstrem dan Santuari Sarang Buaya. Yang Berhormat juga diberikan penerangan mengenai Muzium Layang-Layang serta mengambil peluang membuat layang-layang bersama pengunjung kanak-kanak yang melawat muzium. Selain itu, Yang Berhormat bersama pegawai-pegawai juga turut serta dalam aktiviti memberi buaya makan dan bergambar bersama anak buaya di Santuari Sarang Buaya Pasir Gudang.



Yang Berhormat diberi penerangan mengenai Laman Ekstrem Pasir Gudang oleh pegawai Landskap MPPG, Lar. Puan Zanariah binti Kadir.



Yang Berhormat bersama pengunjung kanak-kanak di Muzium Layang-Layang Pasir Gudang.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI WAWASAN MPPG JOHOR BERHAD

MESYUARAT AGUNG KOPERASI BERHAD Kali ke-5, 2020 ini telah diadakan bertempat di Dewan Besar Aras 3, Menara Aqabah dan telah dirasmikan oleh pengerusi koperasi, Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim.

Majlis dimulakan dengan pendaftaran ahli koperasi, seterusnya bacaan doa. Ucapan aluan pula telah disampaikan oleh tuan pengerusi, Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim. Seterusnya ucapan perasmian telah disampaikan oleh Tuan Haji Adnan bin Abd. Gahni, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan, wakil rasmi kepada Yang Dipertua MPPG. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada barisan Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan agenda terakhir adalah Mesyuarat Agung Koperasi Wawasan MPPG Berhad yang telah dipengerusikan oleh pengerusi koperasi, Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim. Selain itu, mesyuarat turut melantik Ahli Jawatankuasa Koperasi bagi penggal 2021/2022.

Hampir 200 orang ahli telah hadir dalam mesyuarat ini yang membincangkan pelbagai agenda antaranya, laporan kewangan, aktiviti sepanjang tahun 2019/2020 dan perancangan koperasi bagi tahun 2021.

Mesyuarat berakhir pada jam 4.30 petang.



Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim, Pengerusi Koperasi Wawasan MPPG Johor Berhad.

MAJLIS TAKLIMAT KERJA-KERJA PENYEDIAAN SENARAI NILAIAN BAGI KAWASAN KAMPUNG DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

PROGRAM TELAH DIADAKAN pada 11 Oktober yang lalu bertempat di Dewan Cempaka, Aras 20 Menara Aqabah. Taklimat telah disampaikan oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani. Taklimat telah disampaikan kepada Penghulu, Ketua Kampung dan Wakil Penduduk berkaitan kerja-kerja penyediaan senarai nilai baru bagi kawasan kampung-kampung di bawah pentadbiran MPPG berdasarkan kepada Akta. Mengambil Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 25 September 2019, telah bersetuju supaya lima belas (15) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor melaksanakan penilaian semula bagi pegangan bercukai di kawasan pentadbiran masing-masing.

Sebanyak 4,905 pegangan kampung di bawah pentadbiran MPPG. Antara kepentingan penilaian pegangan semula adalah bagi mengemaskini maklumat pegangan. Maklumat pegangan dapat dikemaskini dari segi pemilikan mahupun perihal

pegangan. Pemilik pegangan yang terkini, nombor lot, nombor hakmilik, kegunaan tanah dan lain-lain dapat dikenalpasti dan dikemaskini melalui proses carian hakmilik atau borang penyata pemilik yang diperolehi daripada pemilik pegangan. Selain itu, Penilaian ini amatlah penting bagi memberi gambaran nilai pasaran hartanah. Senarai nilai sediaada yang digunakan pada masa kini adalah berdasarkan aras nilai tahun 2013. Dengan menjalankan kerja-kerja penilaian am semula, rekod-rekod nilai pegangan dapat dikemaskini dengan memberi gambaran sebenar dan lebih tepat kepada pembayar cukai mengenai nilai semasa harta tanah mereka sebagai asas perkiraan cukai yang dibayar.

Empat perunding Penilaian iaitu dari Intra Harta Consultant Sdn Bhd, Nilai Harta Consultant Sdn Bhd, Fadzilah & Fikri Sdn Bhd Bahari & Co. dan Mulia Aset Consultant Sdn Bhd juga turut hadir dalam sesi taklimat ini.



MPPG ANJUR PROGRAM *Champion*

DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN SOSIAL yang terbaik untuk masyarakat, MPPG melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah memperkenalkan satu program kumpulan penggerak yang dipanggil program 'Champion'.

Program Kumpulan Penggerak 'Champion' dalam kalangan masyarakat Taman Cendana diadakan bertujuan untuk memberikan peluang memupuk dan mempertingkatkan kepimpinan dalam kalangan penduduk kawasan ini yang terdiri dari wakil-wakil blok. Ia bagi melahirkan pemimpin yang saling peduli dalam masyarakat terutamanya dalam menangani isu-isu sosial yang dilihat semakin meningkat. Program ini adalah awalan bagi *focus group* yang memfokuskan kepada isu-isu yang diketengahkan yang akan dilaksanakan secara kolaborasi bersama agensi-agensi kerajaan, NGO dan masyarakat Taman Cendana kelak.

Misi program ini dijalankan adalah untuk melatih ahli kumpulan penggerak *Champion* dalam kalangan masyarakat untuk bertindak sebagai agen bagi meningkatkan nilai-nilai sosial tinggi dalam masyarakat. Selain itu ia juga bertujuan untuk menjadi satu platform membentuk masyarakat yang tinggi "sense of belonging" terutamanya terhadap aset-aset awam, aset Jawatankuasa Penduduk Zon (JKPZ) dan aset MPPG. Ia juga akan menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, NGO dan lain-lain pihak untuk memberikan fokus kepada isi-isu di Taman Cendana. Manakala objektif program ini dianjurkan bagi membentuk kumpulan penggerak yang bermaklumat dan menjadi rujukan masyarakat di blok masing-masing, menjayakan tanggungjawab sebagai wakil blok dan pemimpin yang berkesan dan membangunkan program yang strategik bagi mengembangkan kapasiti sosial ke tahap yang lebih baik.

Program ini dijalankan dengan kerjasama *Human Performance Improvement Consultant* oleh perunding utama iaitu En Alwan bin Wagiman. Golongan sasaran adalah dua orang wakil dari 41 blok Taman Cendana, Pasir Gudang. Terdapat lima fasa yang dibentuk dan dilaksanakan manakala lima siri program dianjurkan mengikut jadual tarikh yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat.



Yang Dipertua turut serta dalam sesi taklimat dan sesi lawatan lokasi program.

TAKLIMAT KEPADA MAJLIS PERBANDARAN KLUANG BERKENAAN TUNTUTAN TUNGGAKAN CUKAI HARTA

TAKLIMAT telah di adakan pada 15 Oktober yang lalu bertempat di Bilik Mesyuarat UTC Aras 2, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang (KPBPBG). Seramai tujuh orang delegasi yang diwakili oleh Cik Ayu Amera, Pegawai Undang-Undang Majlis Perbandaran Kluang telah hadir dalam sesi lawatan ini.

Tujuan lawatan diadakan adalah bagi mendapatkan info dan maklumat berkaitan tuntutan tunggakan cukai harta dan penerangan yang terperinci dari segi perundangan dan proses kerja MPPG dalam menguruskan tuntutan tunggakan cukai harta taksiran yang efektif.

Taklimat telah disampaikan oleh Encik Nurazam bin Razali, Ketua Unit Undang-Undang MPPG. Turut hadir dalam sesi taklimat ini ialah wakil dari Jabatan Kewangan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta serta Jabatan Penguatkuasaan yang berkait rapat dengan isu tuntutan tunggakan cukai harta.



Taklimat berlangsung di bilik Mesyuarat UTC, Aras 2, KPBPBG.



Lawatan JOHOR LAND KE MPPG



Delegasi berpeluang melawat mesin pemprosesan sisa makanan MPPG yang ditempatkan di Aras 3, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

MPPG TELAH MENERIMA LAWATAN dari Johor Land Berhad pada 13 September yang lalu. Johor Land sedang membangunkan satu hub makanan, Riverside@BDO yang terletak di Bandar Dato' Onn dan sedang mengkaji cara terbaik bagi menguruskan pembuangan sisa makanan di tapak projek tersebut. Sehubungan itu, lawatan ke MPPG ini adalah bagi menimba ilmu serta mendapatkan pendedahan mengenai proses pengurusan sisa makanan. Jabatan Kesihatan Awam MPPG merupakan jabatan yang terlibat dalam menguruskan pemprosesan sisa makanan.

Encik Norzaidi bin Ahmad Puad, Pengurus Jabatan Pembangunan Bisnes dan Perancang JLand Berhad bersama enam orang pegawai telah hadir dalam lawatan ini. Selepas mendengar taklimat, delegasi telah dibawa melawat ke kawasan mesin pemprosesan sisa makanan MPPG yang terletak di Aras 3, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang bagi mempelajari cara-cara mengendalikan mesin serta kaedah dan cara berkesan penggunaan mesin tersebut.

Semoga ilmu yang dikongsikan serba sedikit ini dapat digunakan bagi Johor Land Berhad dalam membangunkan menguruskan pembuangan sisa makanan yang di jalankan.



LENSA MPPG

SEPTEMBER & OKTOBER
2020



PENYERAHAN FAIL PENGUSAH DAERAH SEMPENA BANGI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020 (7/9/2020)



AKTIVITI BIRO WANITA KSK MPPG – MEMBUAT TAMPALAN DEKOR BAG (23/9/2020)



LAWATAN YANG BERHORMAT TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI EXCO AGAMA NEGERI JOHOR KE TANAH PERKUBURAN ISLAM MUTMAINNAH PASIR GUDANG (29/9/2020)



**MAJLIS PERSARAAN TUAN HAJI AZMAN BIN ZAINOL
(2/10/2020)**



**CERAMAH RINGKAS SEMPENA PROGRAM MEMBUDAYAKAN AL-QURAN
DI MASJID JAMEK KOMPLEKS PASIR GUDANG (8/10/2020)**



**LAWATAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
KE GALERI MPPG (14/10/2020)**



BENGKEL PELAN STRATEGIK MPPG 2021-2025 SESI 2

BENGKEL PELAN STRATEGIK MPPG 2021-2025 SESI KE-2 telah diadakan pada 20 hingga 23 September 2020 bertempat di Pelangi Beach Resort and Spa, Langkawi, Kedah. Seramai 52 orang peserta terdiri daripada pihak pengurusan atasan MPPG, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai telah terbabit untuk menjayakan bengkel ini. Bengkel Pelan Strategik kali ini telah dibimbing oleh Encik Alwan bin Wagiman dari *Human Performance Improvement Consultant* yang beroperasi di Rawang Selangor.

Turut hadir dalam bengkel ini, Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani serta Setiausaha MPPG, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap.



Peserta bengkel yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai MPPG yang hadir dalam bengkel yang diadakan selama tiga hari.

PUBG MOBILE ONLINE TOURNAMENT 2020

PLAYERUNKNOWN'S
BATTLEGROUNDS
MOBILE

MPPG DI BAWAH UNIT SUKAN Jabatan Pembangunan Masyarakat buat pertama kalinya telah menganjurkan sukan *online* elektronik (*electronic games*), *PUBG Mobile Online Tournament*. Pertandingan ini telah diuruskan sepenuhnya oleh ESG Event & E.Games.Sport Management & Consultancy.

Program diadakan bermula 26 sehingga 31 Oktober. Dua slot masa telah ditetapkan kepada semua peserta iaitu pada jam 8.00 malam hingga 12 malam atau 11.00 pagi hingga 6.30 petang. Sebanyak 72 Pasukan telah bertanding. Pertandingan ini dianjurkan secara *online* di mana setiap ahli pasukan bermain di kediaman atau di mana sahaja yang dirasakan sesuai untuk bermain. Setiap pemain perlu mempunyai internet sendiri bagi membolehkan mereka bermain secara *online*.

Antara objektif sukan ini dianjurkan ialah bagi mewujudkan *platform* kepada peminat-peminat sukan elektronik untuk menguji kemampuan, mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan dalam sukan elektronik di persada negara, mengisi masa lapang warga Pasir Gudang dan sekitarnya ketika menyantuni arahan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) oleh pihak kerajaan.

Berikut merupakan senarai pemenang :

KEDUDUKAN	NAMA PASUKAN/ NAMA KETUA PASUKAN	NILAI HADIAH
JOHAN	EXECUTIONERSMY	RM1000.00
NAIB JOHAN	X MEN	RM700.00
KETIGA	TRAITOR TRAPER THEOCRACY	RM500.00
KEEMPAT	STARRY I SQ	RM300.00



Urusetia pertandingan.

PERTANDINGAN MOBILE LEGENDS BANG BANG ONLINE TOURNAMENT 2020

SUKAN E-GAMES semakin mendapat perhatian dikalangan generasi muda pad masa kini. Selain menganjurkan pertandingan *PUBG Mobile Online Tournament*, Unit Sukan turut menganjurkan satu lagi e-games iaitu *Pertandingan Mobile Legends Bang Bang Online Tournament*. Pertandingan ini juga telah diuruskan sepenuhnya oleh *ESG Event & E.Games.Sport Management & Consultancy*.

Dianjurkan selama dua hari 23 dan 24 Oktober, e-games ini telah menarik penyertaan sebanyak 64 pasukan. Antara objektif penganjurannya, mewujudkan platform kepada peminat-peminat sukan elektronik untuk menguji kemampuan dan mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan dalam sukan elektronik di persada negara.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Puan Hajah Faridah Binti Abd Hamid Ketua Bahagian Pembangunan Sosial di aras 2 Menara Aqabah Jabatan Pembangunan Masyarakat pada 28 Oktober 2020.

Berikut merupakan senarai pemenang :

KEDUDUKAN	NAMA PASUKAN/ NAMA KETUA PASUKAN	NILAI HADIAH
JOHAN	JOHOR TIGER	RM1000.00
NAIB JOHAN	ESG X 7SIN	RM700.00
KETIGA	TEAM SOUL	RM500.00
KEEMPAT	BAD JOKER BORNEO	RM300.00





MAJLIS PENYERAHAN

ALAT BANTU NIAGA PESERTA E-KASIH

PROGRAM SUKARELAWAN eKASIH Pasir Gudang merupakan '*Pilot Project*' yang dimulakan pada Disember 2019 telah dirangka melalui khidmat sukarelawan bagi mendekati dan mengenali keluarga-keluarga eKASIH untuk mengenalpasti masalah dan potensi yang ada bagi membantu. Antara aspek yang diteliti adalah dari sudut penglibatan ilmu, kemahiran, pengurusan kewangan, kesihatan bagi peserta dan keluarga. Program ini telah memberi ruang kepada MPPG melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JPM) dalam menghubungkan keluarga tersebut dengan pihak-pihak tertentu seperti agensi kerajaan, swasta, orang perseorangan bagi membantu meningkatkan kualiti hidup para peserta.

Misi program adalah bagi membantu peserta eKASIH untuk memanfaatkan peralatan yang diberikan dengan sebaik-baiknya dan berusaha meningkatkan ekonomi keluarga dan mewujudkan kehidupan yang sejahtera serta keluarga dari kepompong kemiskinan. Bantuan berupa peralatan atau mesin berdasarkan perniagaan yang sedang dijalankan. Antara jenis peralatan yang diberikan seperti, mesin tebu, mesin pateri, mesin pembakar kek, peti sejuk beku dan pelbagai lagi peralatan.

Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani. Seramai tujuh orang peserta eKASIH telah menerima bantuan yang diberikan. Semoga bantuan peralatan yang diberikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam meneruskan perniagaan yang dijalankan. Seorang peserta yang menerima bantuan mesin pembakar kek, Puan Nurul Izawati Binti Ishak berkata "dengan adanya bantuan alat mesin pembakar kek ini, saya dapat meluaskan jualan kek saya, terima kasih atas bantuan yang diberikan."



Peserta bergambar selepas menerima sumbangan peralatan dari Yang Dipertua.

MESYUARAT AGUNG

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KSK) MPPG



MESYUARAT AGUNG KSK MPPG Kali ke-28 sesi 2020/2021 telah diadakan di Dewan Taman Mawar Pasir Gudang bagi membentangkan laporan aktiviti kelab sepanjang tahun 2019. Setiausaha MPPG, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap, selaku Pengerusi KSK MPPG telah mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Mesyuarat dimulakan dengan sesi pembentangan oleh setiap pengerusi biro antaranya Biro Kebajikan, Biro Pendidikan, Biro Wanita, Biro Agama dan Biro Sukan. Laporan kewangan tahunan kelab juga telah dibentangkan oleh bendahari KSK MPPG, Puan Farahwahida binti Nasruddin.

Sesi mesyuarat berakhir dengan acara cabutan bertuah. Cabutan diadakan dengan lebih 30 hadiah-hadiah menarik disediakan untuk ahli yang hadir.



Mesyuarat membentangkan pelbagai isu, antaranya laporan biro kelab, laporan kewangan dan lain-lain.



KONVOI MOTORSIKAL

OLEH MPPG BIKERS KSK MPPG

KELAB MPPG BIKERS Majlis Perbandaran Pasir Gudang di bawah Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MPPG telah mengadakan konvoi bermotosikal ke Majlis Daerah Kampar, Perak. Tujuan lawatan adalah bagi mempromosikan Pasir Gudang dan juga mengeratkan hubungan antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain di Malaysia. Program ini juga merupakan satu program riadah yang dianjurkan di bawah KSK MPPG. Pelepasan kumpulan bikers ini telah dilakukan oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani diiringi Setiausaha MPPG merangkap Pengerusi KSK MPPG, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap.

16 buah motorsikal dan 2 buah kenderaan pacuan empat roda telah terlibat sepanjang tiga hari konvoi tersebut berlangsung. Lawatan bermula di pejabat Majlis Daerah Kampar dan seterusnya ke tempat-tempat menarik di Kampar seperti Gua Tempurung dan Ladang Teh Gaharu.

Kumpulan Bikers MPPG telah selamat sampai pulang ke MPPG pada 19 September jam 6.00 petang.



Bergambar bersama Yang Dipertua sebelum konvoi bermula.

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG telah kehilangan dua orang warga kerja yang telah kembali ke rahmatullah tanggal Jun dan Oktober yang lalu.

Allahyarham Tuan Haji Ab. Jalil bin Ab. Rahman dan Allahyarham Encik Mohd Suffian bin Junid. Seluruh warga kerja MPPG merasa kehilangan atas pemergian kedua-dua mereka. Salam takziah dari seluruh warga kerja MPPG buat kedua-dua keluarga Allahyarham.

Salam Takziah



TUAN HAJI AB. JALIL BIN AB. RAHMAN

Beliau merupakan Pegawai Tadbir MPPG yang ditempatkan di Unit Korporat dan Perhubungan Awam. Mula bertugas di MPPG pada tanggal 8 Februari 1982 dan telah berkhidmat selama 38 Tahun. Beliau pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2001 dan Sijil Penghargaan tahun 2005, 2007, 2010 dan 2015. Antara penglibatan beliau yang lain ialah sebagai Ahli Jawatankuasa Kelab Sukan dan Kebajikan MPPG, Setiausaha Sepak Takraw Negeri Johor, Pengurus Sepak Takraw MPPG, juga Ahli Lembaga Koperasi Wawasan Berhad MPPG. Allahyarham meninggal dunia pada 24 Jun 2020 di usia 58 tahun di kediaman beliau di Taman Pasir Putih, Pasir Gudang.



ENCIK MOHD SUFFIAN BIN JUNID

Beliau merupakan Juruteknik di Jabatan Kawalan Bangunan. Mula bertugas di MPPG 1 Ogos 1982 dan telah berkhidmat selama 38 tahun. Beliau telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2007 dan menerima Sijil Penghargaan pada tahun 2004, 2006, 2008, 2014 dan 2018. Antara penglibatan beliau yang lain ialah, sebagai Sekretariat bagi Pegawai Liason Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang dan menjadi Pengurus bagi sukan Pingpong MPPG. Allahyarham meninggal dunia tanggal 23 Oktober yang lalu di usia 59 tahun di kediamannya di Bandar Baru Larkin, Johor Bahru.

KELAS PEMBUATAN KEK DAN ROTI

- TARIKH** : 3 SEPTEMBER 2020 (SABTU)
MASA : 10.00 PAGI - 4.00 PETANG
TEMPAT : BALAI RAYA, JALAN CIKU 13, TAMAN KOTA MASAI



Program ini dianjurkan bagi memberi peluang bagi Belia/ Wanita untuk menjalankan perniagaan secara atas talian. Sistem Seliaan secara atas talian. Diwujudkan bagi memantau perkembangan peserta. Seramai 20 orang peserta terpilih menyertai kelas pembuatan kek dan roti (Siri 3). Tenaga Pengajar adalah daripada kalangan Pakar Pembuatan Kek dan Roti. Program ini merupakan program tajaan penuh Yayasan Pasir Gudang.

BENKEL SOLEKAN ASAS SIRI 1

- TARIKH** : 3 SEPTEMBER 2020 (SABTU)
MASA : 10.00 PAGI - 4.00 PETANG
TEMPAT : BALAI RAYA, JALAN CIKU 13, TAMAN KOTA MASAI



Merupakan anjuran Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dengan kerjasama Yayasan Pasir Gudang (YPG) dan *Real Strong Agriculture Innovation*. Seramai 20 orang peserta terpilih. Tenaga Pengajar adalah daripada Perunding Mary Kay. Setiap sesi diajar penjagaan muka dan asas solekan. Program ini merupakan program tajaan penuh Yayasan Pasir Gudang.

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PERMULAAN IPTA/ IPTS FASA 4/2020

- TARIKH** : 12 OKTOBER 2020 (ISNIN)
MASA : 2.00 PETANG
TEMPAT : PEJABAT UMNO BAHAGIAN TEBRAU , ULU TIRAM.



Bantuan tersebut disampaikan oleh Tn Hj Herman Irmadi bin Ismail, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang. Seramai 20 orang pelajar menerima manfaat daripada bantuan ini. Sesi penyerahan akan dilakukan berperingkat dalam musim Pandemik Covid 19.

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PERMULAAN IPTA/ IPTS FASA 4/2020

- TARIKH** : 12 OKTOBER 2020 (ISNIN)
MASA : 2.00 PETANG
TEMPAT : AUDITORIUM ARAS 3, MENARA AQABAH, MPPG.



Bantuan tersebut disampaikan dalam 3 sesi penyampaian oleh En Guru Naidu a/l Subramaniam, En Yong Kok Leong dan Tn Hj Herman Irmadi bin Ismail, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang. Seramai 92 orang pelajar menerima manfaat daripada bantuan ini.

MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM KEMAHIRAN ZERO TO HERO YAYASAN PASIR GUDANG

TARIKH : 12 OKTOBER 2020 (ISNIN)
MASA : 2.00 PETANG
TEMPAT : AUDITORIUM ARAS 3, MENARA AQABAH, MPPG.



Program ini adalah jalinan kerjasama Yayasan Pasir Gudang bersama *FF Smart Skill Training Centre*. Seramai 120 orang peserta telah menamatkan Kursus Asas Pendawaian Elektrik Domestik dan Kursus Asas Penghawa Dingin. Antara objektif program ini ialah dapat membantu komuniti/ belia yang terkesan akibat pandemik Covid-19 memberi nilai tambah kepada mereka seterusnya meningkatkan ekonomi sendiri.

MAJLIS PENYERAHAN BAUCAR SUBSIDI MINYAK ENJIN MOTOSIKAL (ZON TAMAN AIR BIRU)

TARIKH : 17 OKTOBER 2020 (ISNIN)
MASA : 8.30 MALAM
TEMPAT : BALAI KOMUNITI PERJIRANAN 9, JALAN TEMBUSU, TAMAN AIR BIRU.



Bantuan tersebut disampaikan disampaikan oleh En Ed Baela bin Muhalajah, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang. Seramai 38 orang dari Taman Air Biru telah terpilih untuk menerima baucar tersebut. Ini merupakan satu inisiatif Yayasan Pasir Gudang untuk membantu golongan belia bermotorsikal yang terjejas akibat Pandemik Covid-19, sekali gus dapat membantu Rakan Bengkel Yayasan Pasir Gudang. Setiap penerima menerima sekeping baucar bernilai RM20.00. Penebusan baucar tersebut hanya boleh dilakukan di salah satu rangkaian Rakan Bengkel Yayasan Pasir Gudang. Baucar tersebut sah digunakan sehingga 31 Disember 2020.

MAJLIS PENYERAHAN SUBSIDI MINYAK ENJIN MOTOSIKAL (ZON KOTA MASAI 1 & 3)

TARIKH : 24 OKTOBER 2020 (SABTU)
MASA : 8.30 PETANG
TEMPAT : BALAI KOMUNITI JALAN CIKU 13, TAMAN KOTA MASAI.



Bantuan tersebut disampaikan disampaikan oleh En Ed Baela bin Muhalajah, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang. Seramai 40 orang penerima dari Zon Kota Masai 1 dan 2 telah terpilih untuk menerima baucar tersebut. Ini merupakan satu inisiatif Yayasan Pasir Gudang untuk membantu golongan belia bermotorsikal yang terjejas akibat Pandemik Covid-19, sekali gus dapat membantu Rakan Bengkel Yayasan Pasir Gudang. Setiap penerima menerima sekeping baucar bernilai RM20.00. Penebusan baucar tersebut hanya boleh dilakukan di salah satu rangkaian Rakan Bengkel Yayasan Pasir Gudang. Baucar tersebut sah digunakan sehingga 31 Disember 2020.



LAMAN INFO

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

UIRTUAL WAU RUN 2020

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

JOM SERTAI !

RM55.00
Individu

RM150.00
Trio

TEMPOH PENDAFTARAN

1-31 OKTOBER 2020

TEMPOH LARIAN

1-30 NOVEMBER 2020

LOKASI LARIAN

BEBAS (MENGIKUT KESELESAAN ANDA)

JARAK LARIAN

5KM (BOLEH DIGABUNGGAN JARAK KESELURUHAN)

PENGHANTARAN BAJU DAN MEDAL

BERMULA 16HB NOVEMBER 2020




**HADIAH MISTERI
CABUTAN BERTUAH
KESELURUHAN
BERJUMLAH RM1,500.00
MENANTI ANDA..!!!**

SYARAT DAN PERATURAN LENGKAP DIPAPARKAN DI DALAM
PENDAFTARAN ONLINE MELALUI QR CODE DI POSTER INI.
SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI UNIT SUKAN,
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
DI TALIAN 07-254 7810 (EN. FAZREEN)

PENDAFTARAN ONLINE



SALURAN ADUAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



APLIKASI MUDAH ALIH
DARIPADA KPKT



UNTUK BERITA DAN INFORMASI LAYARI

Majlis Perbandaran Pasir Gudang & Yang Dipertua MPPG